



Salasilah Sanad Kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* Tokoh Hadis Kontemporari Sheikh Nūr Al-Dīn ‘Itr (1937-2020m): Tumpuan Jalur Nusantara

[Genealogy Sanad Of The Ṣaḥīḥ Muslim Book Contemporary Hadith Figure Sheikh Nūr Al-Dīn ‘Itr (1937-2020 Ad): Archipelago Lineage Focus]

Farhah Zaidar Mohamed Ramli¹, Abdul Hadi Awang*¹,

¹ Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Abdul Hadi Awang, Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia. Email: abdulhadi@uis.edu.my. No. telefon: 6017 4740134. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0001-9224-5934>.

Keywords:

Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr, Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati, Thabat, Nusantara hadith tradition, Ṣaḥīḥ Muslim

ABSTRACT

Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr (1937-2020 AD) is a legendary hadith scholar of the 21st century AD. His deep commitment and dedication to the four aspects of involvement, namely study, teaching, writing and verification, have raised his fame as a contemporary hadith scholar who is hard to replace. In terms of study, he has a number of teachers and students who are involved in the activities of giving and receiving the ijāzah of the chain of transmission of the main hadith books such as al-Kutub al-Sittah and others. However, the lineage that is spread through the application of the ijāzah is difficult to trace back, especially in the context of the archipelago unless it is preserved in the form of documentation of solid works. Therefore, this paper aims to examine a sample of his continuous documentation of the chain of transmission up to the author of the book Ṣaḥīḥ Muslim only. This rare sample was specifically selected through a path that is continuous with the musnid of the archipelago, namely Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati as stated in his thabat work entitled Ghāyah al-Rusūkh fī Mu’jam al-Shuyūkh. The study data was collected through document analysis. The study findings were analyzed descriptively involving the background of the figure, ijāzah teachers, ijāzah students of the Nusantara hadith and a sample of the Ṣaḥīḥ Muslim lineage of the Nusantara. The study discussion was specified to the role of hadith scholars in maintaining the lineage, production thabat type works and the mechanism of hadith ijāzah. The implications of the study findings show that hadith scholars of every century, including the figures and his Nusantara students, have shown the necessary concern to strive to practice ijāzah for the purpose of preserving the continuity of the lineage of the book of turath hadith and documenting it systematically and in detail in thabat works.

Kata Kunci:

Sheikh Nur al-Din ‘Itr, Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati, Thabat, hadis Nusantara, Sahih Muslim

ABSTRAK

Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr (1937-2020M) merupakan tokoh ulama hadis lagenda abad ke 21 Masihi. Komitmen serta dedikasi mendalam beliau terhadap empat aspek penglibatan iaitu pengajian, pengajaran, penulisan dan pentahkikan telah menjulang kemasyhuran beliau sebagai sarjana hadis kontemporari yang sukar

dicari ganti. Dalam aspek pengajian, beliau memiliki sejumlah guru dan murid pengajian yang terlibat dalam kegiatan memberi dan menerima *ijāzah* periwayatan salasilah sanad kitab-kitab *turāth* hadis yang utama seperti *al-Kutub al-Sittah* dan lain-lain lagi. Namun salasilah yang tersebar menerusi aplikasi *ijāzah* tersebut sulit disusurgalurkan semula terutama dalam konteks jalur nusantara kecuali ia terpelihara dalam bentuk dokumentasi karya *thabat*. Justeru makalah ini bertujuan untuk meneliti satu sampel dokumentasi salasilah sanad beliau yang berkesinambungan sehingga sampai kepada pengarang kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* sahaja. Sampel langka ini dipilih khusus menerusi jalur yang berkesinambungan dengan *musnid* nusantara iaitu Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati sebagaimana termaktub dalam karya *thabat*nya yang berjudul *Ghāyah al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh*. Data kajian dikumpul menerusi analisis dokumen. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif membabitkan latar belakang tokoh, guru *ijāzah*, murid *ijāzah* hadis Nusantara dan sampel salasilah *Ṣaḥīḥ Muslim* Nusantara. Perbincangan kajian dispesifikasikan kepada peranan ulama hadis terhadap penjagaan salasilah, penghasilan karya jenis *thabat* dan mekanisme *ijāzah* hadis. Implikasi daripada penemuan kajian menunjukkan ulama hadis setiap abad termasuk tokoh dan murid Nusantaranya tersebut telah menunjukkan keprihatian yang diperlukan untuk berusaha mempraktikkan *ijāzah* atas tujuan memelihara kesinambungan salasilah kitab *turāth* hadis serta mendokumentasikannya secara sistematik dan terperinci dalam karya *thabat*.

Received: June 24, 2025

Accepted: August 30, 2025

Online Published: December 31, 2025

1. Pendahuluan

Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr merupakan tokoh sarjana hadis kontemporari terbilang kelahiran negara Syria. Ketokohan dan sumbangan beliau dalam bidang ilmu hadis dapat diteliti dalam empat aspek kecemerlangan iaitu pengajian, pengajaran, penulisan dan pentahkikan (al-Nushwiqāṭī & al-Manṣūr, 2015). Kesarjanaan beliau banyak tersebar ke seluruh pelosok dunia Islam menerusi penulisan beliau dalam bidang hadis. Antara contoh karya terbaik beliau yang mendapat sambutan sebagai sumber rujukan pengajian dan penyelidikan terutama dalam kalangan komuniti pengajian hadis peringkat Universiti di Nusantara ialah karya berjudul *al-Imām al-Tirmidhī wa al-Muwāzanah bayn Jāmi‘ih wa bayn al-Ṣaḥīḥayn* (juga tesis PhD beliau) dan karya berjudul *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Komuniti pengajian hadis Nusantara berpeluang mengimbas mantapnya keilmuan beliau dalam ilmu hadis berdasarkan keunggulan kedua-dua karya penulisan tersebut.

Selain itu, Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr turut memainkan peranan penting dalam penjagaan kesinambungan salasilah sanad kitab-kitab *turāth* hadis menerusi aplikasi *ijāzah* hadis. Ini adalah kerana *al-ijāzah* merupakan mekanisme tulen dalam disiplin pengajian hadis dalam konteks persambungan periwayatan salasilah sanad kitab hadis (al-Nushwiqāṭī & al-Manṣūr, 2015). Menerusi *al-ijāzah*, salasilah sanad kitab-kitab *turāth* hadis seperti *kutub al-sittah* termasuk *Ṣaḥīḥ Muslim* dapat dikekalkan ikatan kesinambungannya sepanjang 15 kurun antara murid dan guru demi guru dalam rantaian sehingga sampai kepada pengarang kitab *turāth* hadis berkenaan. Dalam konteks kitab *turāth* hadis, rantaian tersebut automatik terhubung sampai juga kepada Rasulullah SAW di paras tertinggi rantaian. Hal ini menjadi faktor terunggul *ijāzah* terhadap kitab-kitab hadis kekal relevan diaplikasikan pada setiap zaman (Abū Fattāḥ A.G., 1992 al-Ghāmidī, 2008).

Sehubungan dengan itu, pada dasarnya murid-murid *ijāzah* hadis Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr, kebanyakannya terdiri daripada pelajar lokal lepasan institusi pengajian yang dikenali dengan nama Majma‘ al-Fath al-Islami yang terletak di Damshik, Syria. Lokasi ini menjadi tempat pengajian penting berteraskan pendekatan *samā‘*, *qirā‘ah* dan *ijāzah* terhadap kitab-kitab *turāth* hadis utama yang diterajui oleh Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr. Sebuah karya *thabat* khas yang mendokumentasi salasilah sanad ilmu hadis beliau telah disusun oleh dua orang murid utama



beliau iaitu al-Nushwiqātī & al-Manşūr (2015) demi memudahkan proses permintaan dan pemberian *ijāzah* dalam kalangan murid lokal yang bersuhabah dan melazimi pengajian Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr di institusi pengajian tersebut. Karya *thabat* tersebut diberi judul *Thabat Asānid al-‘Allāmah al-Muḥaddīth al-Duktūr Nūr al-Dīn ‘Itr*. Bahkan Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr turut menyatakan harapan beliau dalam kata-kata mukadimah bagi karya *thabat* tersebut supaya kemunculan karya ini menjadi kunci pembukaan terhadap lebih banyak lagi penganjuran majlis pengajian hadis *dirāyah* dan *riwayah* bersanad terutama di Negara Sham (al-Nushwiqātī & al-Manşūr, 2015).

Thabat menurut al-Kattani (1982) adalah seperti berikut: “Karya jenis *athbāt* ialah buku para *muḥaddīth* yang di dalamnya menghimpunkan guru-guru mereka beserta *ijāzah* dan riwayat yang dimiliki, bagi memastikan adanya rekod yang sahih serta jaminan ketepatan dalam periwayatan.” Manakala ‘Awwamah. M (2012) menyatakan kerana pentingnya karya ini di sisi *muḥaddīth* menyebabkan golongan ahli hadis memberikan perhatian besar terhadap pendokumentasian sanad lalu menyusun kitab-kitab *athbāt*, *mashyakhat* dan *fahāris* bagi merekodkan guru-guru, kaedah penerimaan dan penyampaian riwayat, serta *ijāzah* dan sama’ yang mereka miliki.

Namun dalam konteks murid *ijāzah* hadis Nusantara, kajian berhasil menemui sampel dokumentasi salasilah sanad kitab *turāth* hadis yang berkesinambungan dengan Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr yang diriwayatkan menerusi tokoh ilmuwan Nusantara yang dikenali sebagai Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati. Rangkaian berharga ini ditemui dalam karya *thabat* susunan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati sendiri yang berjudul *Ghāyah al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh*. Beliau memperkenalkan Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr sebagai guru *ijāzah* hadis beliau yang ke 162 dalam karya *thabat* tersebut serta turut menyenaraikan sampel salasilah lengkap berkesinambungan sehingga sampai kepada pengarang kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* (M. Husni, t.th.).

Penemuan ini membuka ruang untuk kajian meneliti sampel salasilah tersebut yang dapat dianggap sebagai istimewa. Ini adalah kerana perjalanan untuk mendapatkan *ijāzah* atau keizinan meriwayatkan salasilah berkenaan sehingga sampai detik selesai didokumentasikan adalah merupakan satu usaha yang tidak mudah untuk direalisasikan. Justeru, dapatan kajian serta korpus perbincangan makalah ini merupakan penghargaan kepada Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr dan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati atas usaha mereka menjaga salasilah sanad ilmu hadis Nusantara berteraskan metode paling asas dan mudah iaitu *al-ijāzah*. Selain itu, pada masa yang sama penemuan kajian dapat dijadikan sumber inspirasi bagi mendepani isu kelesuan minat dan kemerosotan kecenderungan generasi Nusantara kontemporari dalam kegiatan *ijāzah* sanad hadis apatah lagi memiliki kemahiran menyusun karya *thabat* sendiri.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif daripada jenis kajian kes. Pengumpulan data kajian dilakukan menerusi metode analisis dokumen terhadap kandungan bahan-bahan rujukan primer dan sekunder yang relevan dengan subjek kajian. Penganalisan data kajian dilakukan secara metode deskriptif bagi menerangkan subjek fenomena *ijāzah* hadis berteraskan kitab *turāth* hadis dalam skop jalur atau salasilah ilmu sanad dan riwayat Nusantara berdasarkan tumpuan kepada dua tokoh hadis kontemporari iaitu Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr dan murid Nusantara beliau; Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati yang masih kurang dikaji secara kritis. Selanjutnya, dapatan dan perbincangan kajian berkaitan adalah dihuraikan sebagaimana berikut.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa *thabat* ialah suatu genre penting dalam tradisi hadis yang berfungsi menghimpunkan sanad, *mashyakhat*, dan *ijāzah* seseorang ulama secara sistematik. Al-Kattani (1982) menegaskannya sebagai dokumen autoritatif yang memelihara ketulenan transmisi ilmu, manakala Awwāmah .M (2012) menekankan peranannya dalam menzahirkan jaringan keilmuan dan kesinambungan sanad antara generasi. Kajian moden oleh Mohamed Ramli, F. Z. (2023) menunjukkan bahawa karya *Ghāyah al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh* susunan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati merupakan antara *thabat* paling penting dalam abad ke-20/21 di Nusantara. Karya ini menghimpunkan lebih 160 guru hadis, termasuk tokoh antarabangsa seperti Sheikh Nur al-Dīn ‘Itr, sekali gus membuktikan wujudnya kesinambungan sanad ulama Nusantara dengan jaringan ilmiah di Timur Tengah.

Walau bagaimanapun, penyelidikan yang tersedia masih tertumpu kepada korpus Timur Tengah dan Maghribi, sedangkan tradisi serupa di Nusantara hampir tidak diterokai. Jurang kajian ketara wujud apabila tiada atau sangat kurang kitab *thabat* yang diketahui, dikatalogkan, atau diterbitkan dari Nusantara, meskipun wilayah ini memiliki sejarah pengajian hadis yang panjang serta hubungan intelektual yang luas dengan Hijaz. Kekurangan

dokumentasi dan ketiadaan edisi kritikal bagi manuskrip *ijāzah* dan senarai *mashyakhah* menyebabkan jaringan sanad ulama Nusantara tidak dapat digambarkan dengan jelas. Justeru, penyelidikan lanjut diperlukan untuk meneliti keberadaan atau kemungkinan kewujudan *thabat* Nusantara yang masih belum disaring, serta membangunkan pemetaan sanad wilayah ini secara lebih komprehensif.

3. Dapatan Kajian

Terdapat empat aspek dapatan kajian terdiri daripada latar belakang tokoh, guru utama *ijāzah* hadis tokoh, murid utama *ijāzah* hadis Nusantara dan sampel salasilah *Ṣaḥīḥ Muslim* Nusantara.

3.1 Latar belakang Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr (1937-2020M)



Gambar A: Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr (1937-2020M)

Sumber <https://www.odabasham.net>

Nama lengkap tokoh ialah Nūr al-Dīn bin Muḥammad bin Ḥasan bin Muḥammad bin Ḥasan ‘Itr. Susur galur keturunan keluarga beliau terhubung sampai kepada Sayyidunā al-Ḥasan bin ‘Alī bin Abi Ṭālib RA menerusi jalur nasab sebelah bapa beliau. Manakala nasab sebelah ibu beliau turut tersambung sampai kepada Rasulullah SAW melalui cucunda baginda SAW yang seorang lagi iaitu Sayyidunā al-Ḥussayn bin ‘Alī bin Abi Ṭālib RA. Justeru, kalimah *عتر* (keluarga dekat) yang terdapat pada sebutan nama beliau sendiri langsung untuk menunjukkan tanda atau isyarat terhadap asal-usul susur galur keturunan beliau adalah berasal daripada zuriat atau ahli keluarga Nabi SAW (‘Abd al-‘Azīz, t.th.).

Seterusnya Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr merupakan tokoh ulama terkenal yang berasal dari Syiria. Beliau dilahirkan di bandar Ḥalab bertepatan hari Rabu pada tahun 1937M. Lebih tepat lagi beliau lahir di penempatan yang dikenali dengan Ḥayy al-Bustān, Halab. Ḥayy al-Bustān pula telah lama masyhur sebagai perkampungan ilmu yang banyak melahirkan ulama Islam berwibawa. Beliau bertemu jodoh dengan anak perempuan kepada gurunya yang terkenal yang bernama al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn. Perkahwinan ini dikurniakan empat orang anak iaitu Muḥammad Mujāhid, ‘Abd al-Raḥīm, Yahyā dan Riwayā (‘Abd al-‘Azīz, t.th.).

Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr memperolehi pendidikan formal menerusi tiga buah institusi pendidikan sebagaimana dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pendidikan Formal

Nama Institusi Pendidikan	Peringkat Pengajian	Tahun Graduasi/Umur
1. Madrasah Sayf al-Daulah, Ḥalab	Pengajian <i>al-Ibtida’iyyah</i>	-tidak dinyatakan-
2. Madrasah al-Khusrawiyya	Pengajian <i>al-Shahādah al-ThanaWiyyah al-Shari’yyah</i>	1954M/17 tahun
3. Universiti al-Azhar, Mesir	<i>Kulliyyah al-Shari’ah</i>	1958/21 tahun
	Pengajian Doktor Falsafah Ilmu Hadis bahagian Tafsir dan Hadis	1964/27 tahun

Sumber ‘Abd al-‘Azīz (t.th.) al-Nushwiqātī & al-Manṣūr (2015)

Jadual 1 di atas menunjukkan Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr berkesempatan berguru dengan ramai guru terbilang selama beliau menjadi pelajar di tiga institusi berkenaan. Namun makalah ini hanya memfokus guru-guru khas yang terlibat memberi *ijāzah* ilmu hadis kepada beliau. Ia dibincangkan seperti berikut.

3.2 Guru Utama *Ijāzah* Hadis

Pada dasarnya, Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr dikenal pasti sebagai ilmuwan yang tidak banyak dalam kegiatan melakukan permintaan *al-ijāzah*. Hal ini berpunca daripada pandangan beliau bahawa tuntutan untuk tekun mempelajari ilmu hadis demi memperdalamkannya secara *dirāyah* (kefahaman) adalah lebih mustahak berbanding aktif memperbanyakkan memperolehi *ijāzah* hadis atas tujuan *riwāyah* (periwayatan). Walaupun begitu, beliau masih mengamalkan tradisi meminta *ijāzah* daripada ulama terkemuka terutama di Ḥalab, Damsyiq, Hijaz dan Mesir (al-Nushwiqātī & al-Manşūr, 2015). Jadual 2 berikut memperincikan lima contoh guru *ijāzah* hadis beliau yang utama beserta karya-karya *thabat* yang mendokumentasikan salasilah sanad ilmu hadis mereka.

Jadual 2: Contoh Guru *ijāzah* Hadis Utama Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr

Bil.	Nama Guru <i>Ijāzah</i> Hadis	Contoh Judul Karya Thabat Guru Susunan Sendiri @Susunan Anak murid
1.	Al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn (<i>Musnid</i> Syiria)	<i>Ilām al-Ṭalabah al-Nājihīn fīmā ‘ala min Asānīd al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn</i> - (susunan anak murid)
2.	Al-Shaykh ‘Alawī bin ‘Abbās al-Mālikī (<i>Musnid</i> Mekah)	<i>Fihrist al-Shuyūkh wa al-Asānīd li al-Imām al-Sayyīd ‘Alawī bin ‘Abbās bin ‘Abd al-‘Azīz al-Mālikī al-Ḥasanī</i> -(susunan anak murid)
3.	Al-Shaykh Ibrāhīm al-Khutani (<i>Musnid</i> Turkistan)	<i>Tuhfatuh al-Mustajīzīn bi Asānīd A’lām al-Mujīzīn</i>
4.	Al-Shaykh Ḥabīb al-Raḥman al-‘Azamī (<i>Musnid</i> India)	<i>Majmu‘ah Ijāzāt wa Asānīd Ḥabīb al-Raḥman al-‘Azamī</i>
5.	Al-Shaykh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī (<i>Musnid</i> Mekah)	<i>Asānīd al-Kutub al-Ḥadīthīyyah al-Sab’ah</i> -(susunan sendiri)

Sumber al-Nushwiqātī & al-Manşūr (2015) al-Mar‘ashlī (2002)

Kemunculan guru dalam konteks *ijāzah* hadis sebagaimana jadual 2 di atas antara lain turut menzahirkan keprihatinan Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr terhadap periwayatan salasilah sanad kitab *turāth* hadis. Beliau memiliki kelayakan atau keizinan (*ijāzah*) untuk meriwayatkan salasilah kitab-kitab berkenaan secara berkesinambungan dengan salasilah para guru *ijāzah* hadis terbabit. Pemilikan *ijāzah* hadis ini kemudiannya membuka peluang untuk beliau memainkan peranan mewariskan kesinambungannya dengan murid-murid *ijāzah* yang mendapat kepercayaan dan berkeahlian menurut penilaian beliau. Makalah memperkenalkan salah seorang murid terbilang Nusantara yang memperolehi *ijāzah* hadis daripada beliau sebagaimana kupasan berikut.

3.3 Murid *Ijazah* Hadis Nusantara



Gambar B: Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020M)
 (Murid *ijāzah* hadis Nusantara Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr)

Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020M) merupakan antara murid *ijāzah* hadis Nusantara Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr yang utama. Kedua-dua guru dan murid ini berkesempatan berhimpun dalam majlis pengajian bertempat di Sāḥah al-Hāshimīyyah, Bani ‘Āmir di Zaḳāziq, Mesir. Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati mencatatkan bahawa beliau berpeluang membaca sebahagian hadis dalam kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* di hadapan Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr dalam majlis tersebut serta kemudiannya turut memperolehi *ijāzah* khas dan umum berkaitan seluruh periwayatan sanad ilmu yang dimiliki oleh gurunya tersebut. Peristiwa bersejarah ini berlaku pada tarikh 20 Januari tahun 2012 (M. Husni, t.th.).

Seterusnya, Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati mengambil inisiatif yang semakin jarang dilakukan oleh murid sanad Nusantara mutakhir iaitu mendokumentasikan peristiwa ini beserta memuatkan sampel rantaian salasilah sanad kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* yang bersambung menerusi gurunya Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr dalam sebuah karya *thabat* susunan beliau yang berjudul *Ghāyah al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh*. Usaha langka ini memerlukan kemahiran menyelusuri senarai 23 orang nama-nama ulama dalam rantaian sepanjang 15 kurun sebelum dapat dikemukakan dalam karya tersebut (lihat jadual 3).

Beraskan hal ini, makalah menonjolkan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati sebagai murid sanad utama Nusantara kepada Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr. Dalam erti kata, beliau merupakan murid nusantara yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi terhadap selok belok sanad keilmuan guru dan memiliki sumber-sumber karya *thabat* penting sebagai rujukan dalam penyelidikan susur galur berkaitan serta mendokumentasikannya. Selain itu, pada masa yang sama dokumentasi yang dilakukan oleh Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati antara lain turut menjadi sebab penting penyebaran salasilah sanad kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* berperantaraan kedua-dua guru murid ini dapat dikesan kesinambungannya di Nusantara khususnya. Seterusnya, analisis dokumen terhadap dokumentasi tersebut iaitu karya *thabat Ghāyah al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh*, makalah berhasil memperincikan sampel salasilah sanad kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* tersebut sebagaimana paparan berikut.

3.4 Sampel Salasilah *Ṣaḥīḥ Muslim* Nusantara

Perolehan *ijāzah* khas dan umum daripada Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr menyebabkan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati memiliki kelayakan atau keizinan untuk meriwayatkan secara berkesinambungan dengan salasilah sanad yang dimiliki oleh gurunya Sheikh Nūr al-Dīn tersebut sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 3. Sampel salasilah yang dipaparkan ini adalah berteraskan kitab *turāth* hadis kedua terbaik selepas *Ṣaḥīḥ al-Bukhari* iaitu *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Jadual 3 Sampel Salasilah *Ṣaḥīḥ Muslim* Nusantara

BIL	LAFAZ AL-ADĀ’	NAMA GURU DALAM SALASILAH
1	<i>Akhbaranā</i>	Al-Imām Abū al-Ḥussayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysābūrī
2	<i>Akhbaranā</i>	Abū Ishāq Ibrāhīm bin Muḥammad Sufyān al-Faḳīh
3	<i>Akhbaranā</i>	Abū Ahmad Muḥammad bin ‘Īsā al-Julūdī
4	<i>Akhbaranā</i>	Abū al-Ḥussayn ‘Abd al-Ghāfir al-Fārisī
5	<i>Akhbaranā</i>	Al-Imam Faḳīh al-Ḥaramayn Abū ‘Abd Āllah Muḥammad bin al-Faḳl al-Farāwī
6	<i>Akhbaranā</i>	Al-Imām Abū al-Faḥ Manṣūr bin ‘Abd al-Mun‘im al-Farāwī
7	<i>Akhbaranā</i>	Abū Ishāq Ibrāhīm bin Abī Ḥafṣ ‘Umar bin Maḍar al-Wāsītī
8	‘an	Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī Zakariyyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī
9	‘an	a-Shaykh ‘Alā’ al-Dīn al-‘Aṭār
10	‘an	Al-Shaykh al-Sirāj al-Bulqīnī
11	‘an	Al-Ḥāfiẓ Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī
12	‘an	Shaykh al-Islām Zakariyyā bin Muḥammad al-Anṣārī
13	‘an	Bapanya al-Shaykh Badr al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzī
14	‘an	Al-Shaykh Najm al-Dīn Muḥammad bin Badr al-Dīn al-Ghazzī
15	‘an	Al-Shaykh ‘Abd al-Ghaniyy bin Ismā‘il al-Nāblusī

16	'an	Al-Shaykh Muṣṭafā bin Muḥammad al-Raḥmatī
17	'an	Al-Muḥaddīth Wajīh al-Dīn 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad al-Kuzbarī al-Saghīr al-Dimashqī
18	'an	Al-Muḥaddīth al-Shihāb Aḥmad ibn Qāsim al-Ḥijāz al-Ma'rūf bishu'uni al-Ḥalabī al-Ḥanafī
19	'an	Al-Shaykh Bakrī bin Aḥmad al-Zubārī al-Ḥalabī
20	'an	Bapanya al-Shaykh Muḥammad Najīb Sirāj al-Dīn al-Ḥalabī al-Ḥanafī
21	'an	Al-Muḥaddīth al-Shaykh 'Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī
22	amba'anī	Al-Shaykh Nūr al-Dīn 'Itr al-Ḥalabī al-Ḥanafī
23	qāl	Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati

Sumber M. Husni (t.th.)

Salasilah sanad ini dirumuskan dalam makalah ini sebagai jalur sanad versi Nusantara bagi kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* yang berkesinambungan dengan Sheikh Nūr al-Dīn Itr kerana berdasarkan muridnya Sheikh Muhammad Husni Ginting (ulama bilangan ke 23) adalah berasal dari Indonesia dan menyebarkan sanad ini menerusi namanya di negara-negara benua nusantara termasuk Malaysia dan Indonesia.

Jadual 3 menunjukkan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati menggunakan lafaz *al-adā'* dengan istilah *amba'anī*. Menurut beliau ia merupakan istilah yang menzahirkan persambungan sanad yang mengguna pakai metode *al-ijāzah* selain istilah yang lebih umum iaitu *'an*. Manakala *akhbaranā* dalam jadual 3 di atas menunjukkan persambungan sanad terjadi menerusi metode *al-samā'* (ulama bilangan ke 1 hingga 7). Penerangan tentang lafaz *al-adā'* sebagaimana kupasan di atas juga selaras dengan kupasan Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr dalam kitab *muṣṭalah al-hadīth* beliau; *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Cuma beliau menambah adalah lebih elok ditambah kalimah *ijāzatan* (أبنا إجازة) kerana kalimah *amba'anā'ni* tersebut masih berada dalam kedudukan/status yang serupa dengan *akhbaranā* bagi ulama hadis terdahulu (Nūr al-Dīn 'Itr, 1992).

Selain itu, salasilah peringkat ulama bilangan 1 sampai bilangan 5 dapat disemak kembali dalam karya *thabat* guru kepada Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr sendiri (ulama bilangan ke 22) yang berjudul *Ilām al-Ṭalabah al-Nājihīn fīmā 'ala min Asānīd al-Shaykh 'Abd Āllah Sirāj al-Dīn* (Abū Muḥammad 'Alā' al-Dīn, t.th). Manakala salasilah peringkat ulama bilangan 19 sampai 22 dapat disusur galur kembali dalam karya *thabat* Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr sendiri iaitu *Thabat Asānīd al-'Allāmah al-Muḥaddīth al-Duktūr Nūr al-Dīn 'Itr* (al-Nushwiqātī & al-Manṣūr, 2015).

Sehubungan dengan itu, berdasarkan sampel rantaian salasilah sanad *Ṣaḥīḥ Muslim* sebagaimana yang ditemui oleh kajian mendapati nama al-Muḥaddīth al-Shaykh 'Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī diletakkan sebagai ulama bilangan ke 21. Beliau merupakan guru penyambung sanad salasilah berkenaan pada peringkat antara beliau dengan muridnya Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr tersebut. Pada dasarnya pemilihan peringkat ini adalah pilihan yang dibuat oleh murid sanad Nusantara Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr sendiri iaitu Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati selaku penyusun karya *thabat* yang memuatkan sampel rantaian ini. Justifikasi pemilihan sebagaimana yang dikenalpasti oleh kajian antara lain adalah berdasarkan al-Shaykh 'Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī merupakan antara ulama tertua Ḥalab yang amat disegani merangkap bapa mertua kepada Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr sendiri (al-Nushwiqātī & al-Manṣūr, 2015).

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa sudah tentu Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr memiliki jalur periwayatan kepada *Ṣaḥīḥ Muslim* menerusi guru-guru beliau yang lain (lihat jadual 2). Namun sampel yang dikemukakan oleh Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati adalah sekadar mewakili sebuah contoh yang lengkap bagi susur galur berasaskan sumber periwayatan seorang guru sahaja. Juga disertakan biodata ringkas guru *ijāzah* utama untuk sampel salasilah ini bagi pihak Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr sebagaimana kupasan berikut.



Gambar C: al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī (Guru *ijāzah* hadis Utama Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr juga mertua beliau) Sumber: <https://www.srajalden.com>

Al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī atau nama lengkapnya ialah al-Shaykh ‘Abd Āllah bin Muḥammad Najīb bin Muḥammad bin Yūsuf Sirāj al-Dīn al-Ḥussyanī al-Ḥalabī. Beliau dilahirkan pada tahun 1343H dan tumbuh dewasa sebagai ulama handalan Syiria. Ketokohan bapa beliau selaku ulama disegani di Syiria telah mempengaruhi kecemerlangan keserjanaan beliau dalam ilmu pengajian Islam. Beliau turut memiliki para guru lain yang berkemampuan tinggi dan pakar dalam bidang masing-masing antaranya Sheikh Muṣṭafā al-Zarqā (al-Nushwiqātī & al-Manṣūr, 2015).

Dalam konteks guru *ijāzah* sanad, al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī memiliki sejumlah guru berkaitan antaranya bapa beliau sendiri iaitu Sheikh Muḥammad Najīb Sirāj al-Dīn (gambar D), Sheikh Ḥassan Mashyāt (*musnid* Mekah), Sheikh Muḥammad Zakariyya al-Kandahlawī (*Musnid* India) dan Sheikh Ḥabīb al-Raḥman al-‘Azamī (*Musnid* India) (al-Nushwiqātī & al-Manṣūr, 2015). Terdapat dua buah karya *thabat* yang memuatkan dokumentasi salasilah sanad ilmu al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī iaitu karya berjudul *‘Ilām al-Ṭalabah al-Nājihīn fīmā ‘ala min Asānīd al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn* dan karya berjudul *Arba ‘un Ḥadīthān Nabawīyyān min Asānīdihā bi Arba ‘īna Kitābān* (al-Mar‘ashlī, 2002).



Gambar D: Sheikh Muḥammad Najīb bin Muḥammad bin Yūsuf Sirāj al-Dīn al-Ḥussyanī al-Ḥalabī (Bapa Sheikh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn) Sumber <https://www.islamsyria.com>

4. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian sebelum ini dapat membuka korpus perbincangan penting melibatkan tiga aspek berikut.



Rajah 1 Tiga Aspek Perbincangan Kajian

4.1 Peranan Ulama Hadis Terhadap Penjagaan Salasilah

Kajian merumuskan bahawa, ulama hadis setiap kurun didapati komited dalam memainkan peranan sebagai teraju utama dalam urusan penjagaan salasilah sanad kitab-kitab turath hadis supaya kekal sepanjang zaman. Pembacaan kitab-kitab *turāth* hadis terutama *al-Kutub al-Sittah* seperti *Ṣaḥīḥ Muslim* atas tujuan *dirāyah* (kefahaman) mahu pun untuk mendapat sanad *riwāyah*, kedua-dua pendekatan ini memberi peluang keemasan untuk murid dan guru yang terlibat untuk memberi dan menerima *ijāzah* periwayatan salasilah sanad terhadap kitab-kitab berkenaan. Fenomena ini adalah berkait rapat dengan ketentuan sanad sebagai salah satu keistimewaan khas kepada umat Muhammad SAW. Menerusi penjagaan ini, ulama hadis masih dapat menunjukkan kesinambungan sanad ilmu hadis selama 15 kurun sehingga sampai kepada sumber asal iaitu Rasulullah SAW. Sampel rantaian kajian yang terdiri daripada 23 orang ulama telah merealisasikan peranan ini bersilih ganti kurun demi kurun sehingga kurun ini.

4.2 Penghasilan Karya Jenis *Thabat*

Selain itu, kemunculan jenis karya yang disebut sebagai *thabat* juga mencerminkan keseriusan ulama dalam mendokumentasi salasilah sanad kitab-kitab *turāth* ini. Pendek kata, karya *thabat* sengaja direka bentuk khusus untuk merekodkan rantaian ini secara sistematik serta sebagai jaminan ia tidak lenyap ditelan zaman. Ia turut dapat menjadi sumber tepat sebagai rujukan dalam penyelidikan dan penyelenggaraan salasilah sanad tokoh-tokoh hadis pada setiap zaman. Dalam konteks kajian ini, terdapat tiga karya *thabat* berkaitan yang menjadi sumber penyelidikan terhadap salasilah sanad *Ṣaḥīḥ Muslim* Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr bagi jalur Nusantara.

Jadual 4 Karya *Thabat* Tokoh Kajian

Bil	Nama Tokoh Sanad Hadis	Judul Karya <i>Thabat</i> Sumber Penyelidikan
1	al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī- (ulama bilangan ke 21 dalam jadual 3)	<i>Ilām al-Ṭalabah al-Nājihīn fīmā ‘ala min Asānīd al-Shaykh ‘Abd Āllah Sirāj al-Dīn</i>
2	Sheikh Nūr al-Dīn ‘Itr- (ulama bilangan ke 22 dalam jadual 3)	<i>Thabat Asānīd al-‘Allāmah al-Muḥaddīth al-Duktūr Nūr al-Dīn ‘Itr</i>
3	Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati-(ulama bilangan ke 23 dalam jadual 3)	<i>Ghāyah al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh</i>

Sumber M. Husni (t.th) al-Nushwiqātī & al-Manṣūr (2015) al-Mar‘ashlī (2002)

Kelangsungan ilmu sanad dan riwayat dapat terus dilestarikan sepanjang kurun bergantung kepada komitmen dan konsistensi pada setiap kurun terhadap penghasilan karya jenis *thabat* dalam kalangan ulama hadis peringkat *musnid* atau pengamal sanad terdiri daripada guru murid pewaris *ijāzah* hadis atau *ijāzah* riwayat salasilah sanad kitab-kitab *turāth* hadis tersebut.

4.3 Mekanisme *Ijāzah* Hadis

Sehubungan dengan itu, *ijāzah* hadis kekal relevan sebagai mekanisme yang diperakui oleh ulama hadis untuk meriwayatkan salasilah sanad kitab-kitab *turāth* hadis (al-Ghāmīdī, 2008). Ulama hadis sepakat beramal dengannya secara bebas berdasarkan pendirian masing-masing sama ada pemberian secara mudah atas tujuan paling asas iaitu keberkatan (al-Fādānī, 2008) dan pengekaln salasilah (al-Fādānī, 1983) atau secara sukar memberikannya kecuali dikehendaki selesai pembacaan kitab secara penuh dan bersu^hbaḥ dalam tempoh yang lama supaya ilmu telah mencapai kemantapan yang diperlukan (al-Nushwiqātī & al-Manṣūr, 2015).

Selain itu, tujuan *ijāzah riwāyah* dipraktikkan tanpa pembacaan penuh di hadapan guru, umumnya telah masyhur difahami sebagai lebih kepada meraih keberkatan sanad dan pengekaln salasilah. Justeru, jarang salah faham atau kecelaruan timbul terhadap pengamalan *ijāzah* atas tujuan *riwāyah* ini. Komuniti pengajian hadis sedar bahawa sudah tentu pendekatan *dirāyah* melalui metode *samā'* dan *qirā'ah* kitab *turath* lebih utama berbanding pengambilan *ijāzah* semata-mata (Farhah Zaidar, 2023).

Dalam konteks kajian, Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati mendapat kelulusan untuk diberi *ijāzah* khas sanad keilmuan hadis dan *ijāzah* umum sanad keseluruhan ilmu pengajian Islam oleh Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr hanya dengan pembacaan sebahagian hadis-hadis *Ṣaḥīḥ Muslim* di hadapan beliau. Ini menunjukkan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati telah mendapat kepercayaan serta pengiktirafan daripada Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr dalam aspek sebagai seseorang yang sedia dikenali terlibat secara aktif dalam menuntut ilmu hadis serta kebiasaan mencari peluang keemasan untuk mendapat *ijāzah* hadis daripada ramai tokoh-tokoh hadis sezaman dengan beliau. Lebih menarik, tempat pertemuan mereka berlaku di Zaqaḏīq, Mesir pada tahun 2012. Ketika ini, Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati baru menamatkan pengajian di Univeristi al-Azhar, Mesir dan pada masa yang sama sering mengikuti secara rapat kehadiran para ulama yang kerap berkunjung ke Mesir termasuk kunjungan Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr.

Kesimpulan

Penglibatan Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr dan Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati dalam kegiatan *ijāzah* hadis berteraskan kitab-kitab *turāth* hadis adalah kini sudah bertukar menjadi lakaran sejarah yang semakin bernilai tinggi sehingga hampir tidak terbanding nilainya dalam konteks ilmu sanad dan riwayat Nusantara. Apatah lagi setelah kedua-dua tokoh tersebut telah pun meninggal dunia. Justeru salasilah warisan kedua-dua tokoh tersebut kini sekadar menjadi peninggalan untuk tatapan generasi Nusantara arus perdana. Salasilah yang didedahkan ini, mulai berputar sebagai sekadar nostalgia dan imbasan sejarah sahaja buat masa sekarang.

Kesedaran untuk kembali menghidupkan kesinambungan periwayatan salasilah sanad kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* menerusi jalur kedua-dua tokoh ini merupakan cabaran yang wajar disambut oleh murid-murid *ijāzah* Nusantara bagi Sheikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati yang masih hidup pada masa kini. Ia penting sebagai langkah proaktif dalam mendepani isu kelesuan minat dan kemerosotan kecenderungan generasi Nusantara kontemporari dalam kegiatan *ijāzah* sanad hadis apatah lagi memiliki kemahiran menyusun karya *thabat* sendiri. *Wallahu'alam.*

Rujukan

- 'Abd al-Fattāḥ, A. B. (1992). *Al-Isnād min al-Dīn*. Beirut: Dār al-Qalam.
- 'Abd 'Azīz (t.th.). *Juhūd al-Duktūr Nūr al-Dīn 'Itr fī Khidmah al-Sunnah al-Nabawīyyah*. <https://islamsyria.com> diakses pada 24 April 2025.
- Abū Muḥammad 'Ala' al-Dīn, (t.th). *Ilām al-Ṭalabah al-Nājihīn fīmā 'ala min Asānīd al-Shaykh 'Abd Āllah Sirāj al-Dīn*. Ḥalab: Dār al-Qalam al-'Arabī.
- Anon. (t.th). Gambar al-Shaykh 'Abd Āllah Sirāj al-Dīn al-Ḥanafī. <https://www.srajalden.com> diakses pada 23 April 2025.
- Anon. (t.th). Gambar Sheikh Nūr al-Dīn 'Itr (1937-2020M). <https://www.odabasham.net> diakses pada 23 April 2025.
- Anon. (t.th). Gambar Sheikh Muḥammad Najīb bin Muḥammad bin Yūsuf Sirāj al-Dīn al-Ḥussyani al-Ḥalabī (Bapa Sheikh 'Abd Āllah Sirāj al-Dīn) <https://www.islamsyria.com> diakses pada 25 April 2025.
- 'Awwāmah, M. (2012). *Ādāb al-ikhtilāf wa adab al-ḥiwār*. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 15, No. 30 (December 2025)

- Al-Fādānī, M. Y. I. (2008). *Al-Maslak al-Jalīyy fī Asānīd Muḥammad ‘Alī bin Ḥussayn bin Ibrāhīm al-Mālikī al-Makkī*. Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmīyah.
- Al-Fādānī, M. Y. I. (1983). *Ithāf al-Bardah bi Asānīd al-Kutub al-Ḥadīthīyah al-‘Asharah*. Syiria: Dār al-Başā’ir.
- Al-Ghāmīdī, D. S. H. (2008). *Al-Wijāzah fī al-Athbāt wa a-Ijāzah*. Beirut: Dār Qurtubah.
- Al-Kattānī, A. I. (1982). *Fihris al-fahāris wa al-athbāt* (Vol. 1–2). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- M. Husni, Ginting al-Langkati al-Azhari. (t.th.). *Ghāyah al-Rusūkh fī Mu‘jam al-Shuyūkh*. T.tp: Dār al-Turki li al-Ṭibā‘ah
- Al-Mar‘ashlī, Y. ‘A. (2002). *Mu‘jam al-ma‘ājim wa al-mashyakhāt wa al-fahāris wa al-barāmij wa al-athbāt*. 4 Jil. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.
- Mohamed Ramli, F. Z. (2023). *Salasilah Sanad Kitab Turath Hadis dalam al-Athbat wa al-Masanid (AWM) Nusantara: Analisis Ghayah al-Rusukh fī Mu‘jam al-Shuyukh Karya al-Musnid Syeikh Muhammad Husni Ginting al-Langkati (1980-2020M)*. HADIS: Journal in Hadith Studies, 13(25), 28–45. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i25.225>
- Nūr al-Dīn ‘Itr. (1992). *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damshiq: Dār al-Fikr.
- Al-Nushwiqātī & al-Manşūr. (2015). *Thabat Asānīd al-‘Allāmah al-Muḥaddīth al-Duktūr Nūr al-Dīn ‘Itr*. Damshiq: al-Şiddīq li al-‘Ulūm.